

18/06/2003

Dr Mahathir tidak melepaskan jawatan lebih awal

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak akan melepaskan jawatannya sebagai Perdana Menteri dan Presiden Umno lebih awal daripada tarikh yang dijanjikan Oktober ini.

Bagaimanapun, katanya, terpulang kepada sesetengah pihak yang bimbang kemungkinan beliau meletakkan jawatan lebih awal iaitu ketika perhimpunan agung Umno bermula esok.

"(Sesiapa) nak bimbang, bimbanglah tapi saya pegang pada saya punya pengakuan. Bila saya buat pengakuan, saya tidak akan mungkir, buat sesuatu yang akan menjejaskan kredibiliti," katanya pada sidang media selepas Majlis Taklimat Presiden sempena Perhimpunan Agung Umno 2003 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), semalam.

Perdana Menteri ditanya mengenai kebimbangan sesetengah pihak kemungkinan beliau membuat sekali lagi kejutan dengan mengumumkan peletakan jawatannya pada perhimpunan kali ini seperti berlaku tahun lalu.

Mengenai Perhimpunan Agung Umno kali ini, beliau berkata ia adalah perhimpunan biasa dan sama seperti pada tahun-tahun sebelumnya, kecuali menjadi perhimpunan terakhir dirasmikannya.

Dr Mahathir juga berkata beliau tidak menjangka perhimpunan kali ini akan menjadi emosional kerana keadaan itu sudah berlaku pada perhimpunan Jun tahun lalu apabila beliau mengumumkan peletakan jawatannya.

"Tahun lalu sudah berlaku emosi, sekarang dah letih, tiada lagi tangisan, dah kering," katanya sambil melihat ke arah lantai apabila diajukan soalan bahawa perasaan emosi itu mungkin datang daripada perwakilan.

Sebelum sidang media itu, beliau menyampaikan amanat selama sejam kepada ahli Majlis Tertinggi, ketua-ketua Bahagian, Ketua Pemuda dan Wanita Bahagian, Penolong Setiausaha dan Bendahari Bahagian serta Ketua Penerangan bahagian.

Majlis tertutup itu turut dihadiri Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta ketiga-tiga naib presiden - Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Ditanya mengenai amanatnya dalam majlis itu, Dr Mahathir berkata beliau mengulangi semula nasihat yang pernah disampaikan dulu iaitu sebagai seorang pemimpin mereka perlu memberi keutamaan kepada parti dan bukan mementingkan diri.

Katanya, beliau mahu pemimpin Umno di setiap lapisan, terutama peringkat bahagian, mengutamakan kemenangan parti pada pilihan raya umum akan datang, bukannya untuk menentukan kedudukan diri dalam parti.

"Peranan pemimpin amat penting dan mereka perlu menentukan sikap sesuai dengan kepemimpinan yang boleh membawa kemenangan kepada parti. Seseorang pemimpin bukan menentukan kedudukan dirinya tetapi menentukan dia memimpin parti ke arah kemenangan... kemenangan bagi parti," katanya.

Dr Mahathir berkata, untuk itu perpaduan amat penting dan seseorang pemimpin yang baik akan dapat menjamin perpaduan berterusan dalam parti.

Perdana Menteri menjelaskan, beliau memberi tumpuan kepada isu peranan pemimpin kerana yang hadir adalah tujuh orang dari setiap bahagian yang memegang pelbagai jawatan di peringkat itu.

Ditanya sama ada beliau memberi penekanan kepada pentingnya pemimpin Umno mengelak perebutan kuasa dalam parti pada taklimat tertutup itu, beliau berkata:

"Ya, itu termasuk...kepemimpinan yang baik bermakna tidak ada perebutan kuasa. Jika ada perebutan kuasa, selepas perebutan kuasa, rapatkan barisan

dan beri sokongan kepada sesiapa saja yang menang."

Mengenai pengakuan semua tiga naib presiden yang berjanji tidak akan ada cabar mencabar pada pemilihan jawatan dalam parti, Dr Mahathir berkata itu adalah pengakuan mereka tetapi ada yang bukan memegang jawatan naib presiden akan mencabar mereka.

"Dalam parti kita tak boleh tentu. Kita tak kata tidak ada cabaran sama sekali. Tetapi saya harap mengikut tradisi Umno, apabila timbalan presiden dipilih, selepas itu dia tidak dicabar lagi walaupun tradisi ini telah dipecah oleh sesetengah orang," katanya.

Ditanya sama ada kekosongan jawatan timbalan presiden tahun depan boleh ditandingi kerana tradisi parti hanya tiada pertandingan jawatan penyandang (Timbalan Presiden Umno), Dr Mahathir berkata:

"Ya...sebelum dia dipilih, mungkin ada pertandingan tetapi selepas dia dipilih, tradisinya ialah anda jangan cabar".

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, ada juga norma tertentu yang perlu diikuti seperti ketika Tun Hussein Onn, ketika menjadi Perdana Menteri, memilih beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri.

"Tetapi saya tidak jadi timbalan Presiden Umno. Tetapi apabila sampai untuk adakan pilihan, saya dicalonkan untuk jadi Timbalan Presiden parti dan tidak ada cabaran," katanya sambil berharap tiada pertandingan bagi jawatan nombor dua dalam Umno.

Perdana Menteri berkata, beliau akan mengulangi beberapa perkara pada ucapan dasarnya esok seperti apa yang pernah dikemukakannya 10 tahun lalu kerana ada yang sudah lupa dan terpaksa diulangi keseluruhannya.

(END)